



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

02 Zulkaedah 1441 / 24 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 02 Zulkaedah 1441H bersamaan 24 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, terdapat **418 orang** yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,554 orang** telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **539 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **27,385 ujian**.

4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **399,288 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,535** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,695** telah dimuat turun oleh **4,192 premis perniagaan**.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 02 Zulkaedah 1441H / 24 Jun 2020